

**SOALAN LAZIM (FAQ) BERHUBUNG PELAKSANAAN PELESENAN TERMINAL  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (AKAN DIKEMASKINI DARI SEMASA KE SEMASA)**

**PELESENAN TERMINAL PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

Soalan		Jawapan
1.	Siapakah yang bertanggungjawab untuk melesenkan terminal pengangkutan awam darat?	Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan sebuah agensi Kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) yang ditubuhkan pada 1 Januari 2019 melalui Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] yang bertanggungjawab untuk mengawal selia pengangkutan awam darat dan bagi perkara-perkara bersampingan dengannya.
2.	Apakah yang dimaksudkan dengan terminal pengangkutan awam darat?	Sepertimana yang termaktub dalam Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], dalam konteks Akta ini tafsiran terminal adalah seperti berikut:  a) stesen tunggal atau pelbagai modal dan pusat Pengangkutan yang dikhususkan untuk pengangkutan awam darat atau bahagian atau pecahannya yang berhubungan dengan pengangkutan awam darat; b) kaunter perkhidmatan atau kaunter tiket yang berhubungan dengan pengangkutan awam darat; atau c) depoh kontena untuk penyimpanan kontena yang digunakan bagi import atau eksport.
3.	Di bawah peruntukan perundangan mana yang menjelaskan bahawa terminal perlu dilesenkan?	Di bawah peruntukan Bab 2 Pelesenan Terminal, Seksyen 6 sehingga 12, Akta 715.
4.	Siapa yang perlu dilesenkan di bawah peruntukan Seksyen 6 sehingga 12, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]?	Pemilik terminal atau syarikat yang diberikan hak oleh pemilik terminal untuk melaksanakan operasi terminal iaitu kerja-kerja berikut melalui suatu surat pelantikan atau perjanjian untuk melaksanakan :-  (i) kutipan caj terminal; (ii) pengurusan dan pengawalseliaan operasi terminal; (iii) pembersihan dan penyenggaraan terminal; dan (iv) sistem keselamatan terminal;

Soalan		Jawapan
5.	Saya pemilik bangunan tetapi saya telah membuat perjanjian melantik pihak ketiga untuk menjalankan pengoperasian terminal. Adakah saya perlu dilesenkan?	<p>Pemilik terminal tidak dilesenkan sekiranya melantik satu pihak ketiga menjalankan keempat-empat skop kerja yang berikut</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) kutipan caj terminal;</li> <li>(ii) pengurusan dan pengawalseliaan operasi terminal;</li> <li>(iii) pembersihan dan penyenggaraan terminal; dan</li> <li>(iv) sistem keselamatan terminal;</li> </ul> <p>Sekiranya pemilik terminal hanya melantik sebahagian kerja di atas kepada pihak ketiga, keperluan pelesenan terminal ditetapkan pada pihak pemilik terminal.</p>
6.	Bagaimana cara membuat permohonan dan apa kriteria atau syarat untuk memohon lesen terminal?	<p>Semua pemohon perlu memohon melalui sistem pelesenan terminal yang akan ditentukan kelak oleh pihak APAD.</p> <p>Kriteria dan syarat permohonan masih di peringkat akhir untuk dimuktamadkan tertakluk kepada Peraturan yang sedang dalam tindakan pewartaan oleh Jabatan Peguam Negara. Pewartaan ini dijangka berkuatkuasa pada suku ke empat tahun 2023.</p>
7.	Apakah kriteria minima sesebuah terminal?	<p>Sesebuah bangunan yang menjalankan perkhidmatan menaikkan dan menurunkan penumpang bas ekspres dan mempunyai infrastruktur seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. petak kenderaan bas untuk menurunkan penumpang;</li> <li>ii. petak kenderaan bas untuk mengambil penumpang;</li> <li>iii. kerusi kekal di ruangan menunggu penumpang;</li> <li>iv. tempat menunggu penumpang berbumbung;</li> <li>v. kaunter penjualan tiket atau mesin tiket layan diri bas ekspres;</li> <li>vi. tempat pembuangan sampah;</li> <li>vii. tandas; dan</li> <li>viii. lampu dengan pencahayaan minimum 300 lux.</li> </ul>
8.	Adakah permohonan ini akan lulus secara automatik apabila syarikat berjaya mendaftar permohonan?	Pelesenan terminal ini akan melibatkan penilaian daripada pegawai APAD bagi tujuan penentuan gred terminal. Penilaian gred adalah bergantung kepada kriteria yang ditetapkan bagi setiap kategori.
9.	Adakah hentian bas, hub bas atau mana-mana perhentian	Tidak.

Soalan		Jawapan																								
	bas sepanjang jalan perlu dilesenkan di bawah APAD?																									
10.	Berapa jumlah fi pelesenan yang akan dikenakan kepada pemohon?	<p>Fi pelesenan adalah mengikut kategori yang akan ditentukan kelak berdasarkan penilaian kriteria yang ditetapkan semasa proses pelesenan. Ianya di peringkat akhir untuk dimuktamadkan melalui Peraturan yang dijangka diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara pada suku ke empat tahun 2023.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th colspan="4">Penetapan Fi Pelesenan</th> </tr> <tr> <th>Kategori Terminal</th> <th>Fi Lesen</th> <th>Penumpang Harian</th> <th>Trip Harian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kategori 1</td> <td>RM 14 ribu</td> <td>10,000 ke atas</td> <td>3,000 ke atas</td> </tr> <tr> <td>Kategori 2</td> <td>RM 7 ribu</td> <td>5,000- 9,999</td> <td>1,000- 2,999</td> </tr> <tr> <td>Kategori 3</td> <td>RM 3 ribu</td> <td>1,000- 4,999</td> <td>500-599</td> </tr> <tr> <td>Kategori 4</td> <td>RM 1 ribu</td> <td>999 ke bawah</td> <td>499 Ke bawah</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Mohon rujuk kepada slaid yang dilampirkan.</i></p>	Penetapan Fi Pelesenan				Kategori Terminal	Fi Lesen	Penumpang Harian	Trip Harian	Kategori 1	RM 14 ribu	10,000 ke atas	3,000 ke atas	Kategori 2	RM 7 ribu	5,000- 9,999	1,000- 2,999	Kategori 3	RM 3 ribu	1,000- 4,999	500-599	Kategori 4	RM 1 ribu	999 ke bawah	499 Ke bawah
Penetapan Fi Pelesenan																										
Kategori Terminal	Fi Lesen	Penumpang Harian	Trip Harian																							
Kategori 1	RM 14 ribu	10,000 ke atas	3,000 ke atas																							
Kategori 2	RM 7 ribu	5,000- 9,999	1,000- 2,999																							
Kategori 3	RM 3 ribu	1,000- 4,999	500-599																							
Kategori 4	RM 1 ribu	999 ke bawah	499 Ke bawah																							
11.	Berapa lama tempoh sah laku lesen?	Tempoh sah laku lesen adalah satu (1) tahun dan perlu diperbaharui setiap tahun.																								
12.	Bagaimana terminal tersebut ditarafkan sebagai Gred A, B atau C?	<p>Penarafan gred terminal akan dinilai oleh pegawai APAD sebelum sesuatu lesen dikeluarkan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>tahap perkhidmatan;</li> <li>keselamatan dan kemudahan; dan</li> <li>keperluan fasiliti yang disediakan di terminal.</li> </ol>																								
13.	Adakah pemegang lesen terminal boleh mengenakan caj terminal kepada pengguna?	<p>Ya tertakluk kepada Gred Terminal yang telah dinilai oleh APAD.</p> <p>Caj terminal telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 12 April 2021 dan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) pada 25 Jun 2019.</p>																								
14.	Berapa caj terminal yang boleh dikenakan oleh pemegang lesen terminal kepada pengguna?	<p>Caj terminal merangkumi 3 jenis caj iaitu :-</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>caj komisen tiket;</li> <li>caj kemasukkan kenderaan; dan</li> <li>caj fasiliti.</li> </ol> <p><i>Sila rujuk kepada draf senarai semak penarafan gred terminal.</i></p>																								

	Soalan	Jawapan
15.	Bagaimana cara jika ada pihak yang berhasrat untuk membangunkan terminal di mana-mana negeri atau daerah?	<p>Sekiranya ada Pihak Majlis atau mana-mana syarikat swasta yang berhasrat untuk membangunkan terminal adalah perlu tertakluk kepada perkara-perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Majlis Daerah perlu mewartakan kawasan tersebut sebagai sebuah terminal pengangkutan perkhidmatan awam untuk menaik dan menurunkan penumpang;</li> <li>b) Tertakluk kepada perundangan setempat dan keperluan merancang (KM) oleh pihak PBT/Majlis; dan</li> <li>c) Hendaklah membuat permohonan kepada APAD bagi kelulusan operasi dan proses pelesenan terminal setelah terminal tersebut diwartakan.</li> </ul> <p>Pengendali terminal perlu mematuhi segala kriteria dan keperluan minima mengikut garis panduan penarafan gred terminal yang telah ditetapkan berdasarkan punca kuasa Akta 715, APAD sebagai agensi yang akan melesenkan terminal.</p>
16.	Apakah tindakan yang akan diambil oleh APAD sekiranya pemilik atau pihak yang menjalankan pengoperasian terminal tidak berlesen dengan APAD?	<p>Sekiranya pemilik atau pihak yang menjalankan pengoperasian terminal tidak berlesen dengan APAD boleh disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.</p>
17.	Apakah tindakan yang akan diambil oleh APAD sekiranya pemegang lesen terminal tidak mematuhi syarat-syarat lesen?	<p>Sekiranya pemegang lesen terminal tidak mematuhi syarat-syarat lesen dan apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada satu ribu ringgit tetapi tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.</p>
18.	Saya ada pertanyaan lanjut mengenai perkara ini. Kepada siapa untuk saya ajukan secara terus?	<p>Boleh menghubungi pegawai-pegawai di Bahagian Bas Ekspres dan Terminal (BBET) atau emel kepada <a href="mailto:bbet@apad.gov.my">bbet@apad.gov.my</a> untuk sebarang pertanyaan lanjut.</p>